

# Gerakan reformasi didaftarkan jadi pertubuhan hari ini

KUALA LUMPUR 4 Dis. — Pendukung gerakan reformasi yang menyokong bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim akan mendaftarkan gerakan itu sebagai sebuah pertubuhan yang sah, esok.

Salah seorang pendukung gerakan itu, Abdul Malek Hussin ketika dihubungi hari ini mengesahkan mengenai usaha yang sedang dilakukan untuk memenuhi tujuan tersebut.

Beliau bagaimanapun enggan mengulas sama ada pertubuhan itu merupakan sebuah parti politik yang akan menyertai pilihan raya umum atau hanya sebagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Apabila ditanya lebih lanjut nama pertubuhan dan siapa yang akan menaja pertubuhan baru itu, beliau berkata: "Saya akan jelaskan di Pejabat Pendaftaran Pertubuhan esok."

Sebelum ini beliau pernah membayangkan bahawa pertubuhan itu akan diketuai oleh isteri Anwar, Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail.

Baru-baru ini, bekas Setiausaha Politik Anwar, Ezam Mohd. Nor berkata di Jakarta bahawa pendukung gerakan reformasi akan menubuhkan Parti Gerakan Angkatan Reformasi Rakyat.

Perkara yang sama turut dinyatakan oleh Abdul Malek pada sidang akhbar selepas dibebaskan daripada tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Beliau turut menegaskan bahawa gerakan reformasi perlu berjalan secara aman tanpa sebarang keganasan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad baru-baru ini mencabar penyokong Anwar supaya menubuhkan parti politik daripada bertindak merusuh di jalanan.